

KOMITMEN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)DALAM ERA COVID 19 DI NEGERI SEMBILAN

Commitment Of Negeri Sembilan Islamic Religious Council (MAINS) In The Covid 19 Era In Negeri Sembilan

Anwar Muttaqinⁱ & Roziah Sidik @ Mat Sidekⁱⁱ

ⁱ Eksekutif Dakwah, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Calon PHD, Institusi
Islam Hadhari,

Universiti Kebangsaan Malaysia, anwar_800@yahoo.com

ⁱⁱProfesor Madya, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian
Islam & FeloInstitusi Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia,
roziah@ukm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Pandemik Covid-19 merupakan wabak berjangkit yang menggemparkan dunia pada tahun 2020. Kesannya begitu besar dan jelas meragut nyawa, melembabkan ekonomi dan mengakibatkan suasana yang tidak harmoni dalam masyarakat dunia. Malaysia juga turut terjejas sehinggakan pihak kerajaan terpaksa mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 secara berperingkat di seluruh negara. Terdapat beberapa persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini yang bertitik tolak daripada kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) iaitu Majlis Agama Islam Negeri memainkan peranan yang tepat dalam dakwah dan seruan kepentingan berzakat sehingga mampu menyalurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan. Seterusnya, Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pula menyatakan bahawa MAINS sentiasa peka</i></p>	<p><i>The Covid-19 pandemic is a contagious epidemic that will shock the world in 2020. The impact is so huge and clearly it is life-threatening, dampening the economy and resulting in a disharmonious atmosphere in world society. Malaysia was also affected that the government had to declare a Movement Control Order (PKP) starting on 18 March 2020 in stages throughout the country. There are several questions raised in this study which are based on the statement of the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) that the State Islamic Religious Council plays the right role in preaching and calling for the importance of zakat to be able to channel aid to those in need. Furthermore, the Chairman of the Negeri Sembilan Islamic Religious Council (MAINS) stated that MAINS is always sensitive and concerned about the epidemic situation</i></p>

<p>dan prihatin mengenai situasi wabak bermula daripada hari pertama pelaksanaan PKP 1.0 khususnya kepada golongan asnaf dan masyarakat yang terjejas akibat penularan wabak Covid 19. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti peranan zakat di Negeri Sembilan dalam usaha mendepani Covid 19 ketika PKP diisytiharkan serta menyenaraikan bantuan MAINS melalui sumber agihan zakat tersebut. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan yang merujuk kepada data dan dokumen rasmi jabatan, laporan akhbar, buku-buku dan penerbitan artikel yang berkaitan. Hasil daripada kajian ini, dapat dinyatakan bahawa MAINS telah menggerakkan bantuan khas yang dikenali sebagai Inisiatif Covid-19 bermula pada bulan Mac hingga Jun 2020 berjumlah RM8.5 juta. Sejalan dengan itu, sumber peruntukan khas ini diperolehi daripada hasil kutipan zakat yang dibayar oleh semua pembayar zakat di Negeri Sembilan. Justeru, penyaluran harta pembayar zakat kepada golongan asnaf ini mampu meringankan beban mereka untuk membeli keperluan asas dan menambahkan sumber pendapatan isi rumah golongan tertentu sekaligus menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.</p> <p>Katakunci: Covid 19, Golongan Asnaf, Zakat</p>	<p>starting from the first day of the implementation of PKP1.0, especially to the asnaf and communities affected by the spread of Covid 19. The objective of this study is to examine the role of zakat in Negeri Sembilan in the effort to confront Covid 19 when PKP was declared as well as listing MAINS assistance through the source of zakat distribution. The methodology used is a qualitative method that is through a literature review that refers to the department's official data and documents, press reports, books and the publication of related articles. As a result of this study, it can be stated that MAINS has mobilized special assistance known as the Covid-19 Initiative starting in March to June 2020 amounting to RM8.5 million. In line with that, the source of this special allocation is obtained from the collection of zakat paid by all zakat payers in Negeri Sembilan. Thus, the distribution of zakat payers' property to the asnaf group is able to ease their burden to buy basic necessities and increase the source of household income of certain groups as well as move the country's economic growth.</p> <p>Keywords: Covid 19, Asnaf group, Zakat</p>
--	--

PENDAHULUAN

Pandemik Koronavirus (COVID 19) merupakan wabak penyakit global yang menggemparkan dunia pada tahun 2020. Ia bukan sahaja meragut nyawa sebaliknya merencatkan ekonomi dan turut mengakibatkan ketidakseimbangan sosial terhadap negara, komuniti dan masyarakat (Chitra 2020).

Di Malaysia juga rakyat turut terjejas sehinggakan Kerajaan Malaysia terpaksa mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula

pada 16 Mac 2020 secara berperingkat-peringkat di seluruh negara. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selama hampir 3 bulan tersebut, rakyat Malaysia diarahkan untuk terus kekal di rumah bagi mengelakkan penyebaran penyakit tersebut. Ini mengakibatkan ekonomi negara menjadi defisit dan perlahan sehingga memberi kesan kepada ekonomi isi rumah turut terjejas (Calvin 2020).

Sudah pasti masyarakat di Negeri Sembilan turut terkesan dengan wabak penyakit global ini sehingga ada pihak yang terjejas, hilang punca pendapatan malahan terasing daripada keluarga kerana telah terikat dengan perintah kawalan pergerakan.

Terdapat beberapa persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini yang bertitik tolak daripada kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) iaitu Majlis Agama Islam Negeri memainkan peranan yang tepat dalam dakwah dan seruan kepentingan berzakat sehingga mampu menyalurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan (Zulkifli 2020). Seterusnya, Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pula menyatakan bahawa MAINS sentiasa peka dan prihatin mengenai situasi wabak bermula daripada hari pertama pelaksanaan PKP 1.0 khususnya kepada golongan asnaf dan masyarakat yang terjejas akibat penularan wabak Covid 19 (Mohamed 2020).

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti peranan zakat di Negeri Sembilan dalam usaha mendepani Covid 19 ketika PKP 1.0 diisytiharkan serta menyenaraikan bantuan MAINS melalui sumber agihan zakat tersebut.

Metodologi

Metod yang digunakan untuk tinjauan ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada beberapa sumber yang boleh dikategorikan sebagai sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada teks ucapan Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, berserta fail-fail pentadbiran MAINS. Sumber sekunder pula adalah merupakan buku, laporan, jurnal dan laman web yang merujuk kepada tajuk yang dikaji.

Dalam proses pencarian literatur yang berkaitan dengan topik kajian sebahagian besar kerja tersebut dilakukan secara fizikal atau manual seperti mendapatkan maklumat di MAINS. Sebahagian tinjauan literatur yang

dibuat, yang mana adalah tidak lebih daripada laporan berkenaan apa yang telah dilakukan dan diperkatakan oleh tokoh-tokoh terdahulu. Tinjauan tersebut adalah sekadar satu senarai pemerian tentang bahan-bahan yang telah diterbitkan atau satu himpunan ringkasan tentang kajian lepas.

Dalam membuat tinjauan literatur, didapati ada di antara bahan-bahan tersebut tidak menggunakan teori atau perspektif tertentu sebagai landasan. Maka pelbagai pandangan dan hasil kajian yang berbeza, membuatkan pengkaji menganalisis bagi membentuk satu rumusan yang bersesuaian dengan tajuk penulisan tanpa menggunakan teori yang khusus.

Peranan Majlis Agama Negeri Sembilan

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) ditubuhkan sebagai sebuah organisasi terpenting untuk menasihati ketua agama Islam berkaitan hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan kecuali perkara hukum syarak dan keadilan. Di bawah kuasa Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dalam memelihara kesucian agama Islam, terdapat tiga pecahan peranan iaitu urusan hal ehwal hukum syarak, hal ehwal pentadbiran dan hal ehwal keadilan. Urusan hal ehwal hukum syarak difungsikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Urusan hal ehwal pentadbiran seperti urusan harta umat Islam, urusan dakwah dan sosial pula dilaksanakan oleh Baitulmal, anak syarikat MAINS dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Seterusnya, urusan hal ehwal keadilan pula difungsikan oleh Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (Anwar 2018).

Sebagai organisasi tersusun, MAINS mempunyai visi yang jelas iaitu untuk menjadi organisasi terunggul yang menerajui pembangunan ummah dan syiar Islam dalam abad ini di Negeri Sembilan. Visi ini disokong misi MAINS iaitu sebagai badan tertinggi islam di Negeri Sembilan yang bertanggungjawab memelihara kesucian Islam dan menentukan dasar bagi menjana pembangunan ummah dalam pelbagai bidang berlandaskan syariah Islam (Laporan Tahunan MAINS 2008).

Dalam merealisasikan misi dan visi tersebut, MAINS menggariskan lima objektif yang menyeluruh terhadap pembangunan dan kefahaman Islam di Negeri Sembilan. Lima objektif tersebut ialah:

- i. Meningkatkan dan meningkatkan syiar Islam di Negeri Sembilan.
- ii. Memaju dan mengukuhkan keunggulan Umat Islam dalam pelbagai

- bidang dan kemahiran.
- iii. Memaju dan memperkasakan agensi-agensi pelaksanaan dasar Islam agar dapat memainkan peranan dengan lebih baik, cekap dan berkesan.
 - iv. Menjana pembagunan sosioekonomi umat Islam melalui pengemblengan dan eksploitasi sumber yang sedia ada.
 - v. Meningkatkan kesedaran dan pengamalan Islam sebagai cara hidup (Ad Din) oleh masyarakat Islam dan dalam masa yang sama meningkatkan persefahaman dengan masyarakat bukan Islam.

Seterusnya agensi-agensi pelaksana MAINS boleh dikelaskan kepada dua kategori kewajipan dan tanggungjawab MAINS iaitu berkaitan ekonomi dan sosial umat Islam sebagaimana yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Melalui dua kategori ini, setiap agensi di bawah urus tadbir MAINS ada peranan yang tertentu seperti berikut:

- i. Kewajipan ekonomi melalui kutipan zakat, hartanah, hal ehwal wakaf, komersial dan perindustrian, skim pinjaman serta kerjasama dengan kerajaan pusat, negeri mahupun syarikat. Bagi agensi MAINS yang melakukan peranan ekonomi ini adalah:
 - a) Baitulmal (Bahagian Kewangan)
 - b) Anak Syarikat (MAINS Holdings, Pusat Zakat, Perbadanan Wakaf dan MAINS Hotel)
- ii. Kewajipan sosial pula dilaksanakan melalui agihan zakat, agihan dan prasarana wakaf, skim pinjaman pendidikan, penubuhan institusi Islam dan rumah kebajikan. Bagi agensi MAINS yang berperanan dalam sosial adalah:
 - a) Baitulmal (Bahagian Zakat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Audit Dalam dan SMATT)
 - b) Anak Syarikat (Perbadanan Wakaf)
 - c) Agensi sokongan (Pusat Kaunseling, Lembaga Masjid, Kompleks As-Saadah dan Darul Asnaf).

Skim Bantuan Zakat Negeri Sembilan

Zakat merupakan teras dalam pemeliharaan golongan asnaf dan ummah sebagaimana yang telah diwajibkan oleh Allah swt kepada pemerintah untuk mengumpul, mengutip, mentadbir dan mengagihkannya. Segala syarat,

kadar, jenis dan golongan yang menerima zakat ditentukan oleh Allah swt dan termaktub dalam al-quran. Oleh yang demikian, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan mendukung amanah dan tanggungjawab tersebut dengan sentiasa memantapkan kutipan zakat di Negeri Sembilan agar sentiasa bertambah serta ditadbir dengan amanah, telus dan menyeluruh termasuk juga dalam hal ehwal pengagihan zakat kepada golongan yang berhak (Mohamed 2020).

Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60:

Maksudnya: *Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat (amil), muallaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekakan hamba, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan yang diwajibkan oleh Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

Berdasarkan dalil al-Quran yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa golongan yang termasuk dalam kategori asnaf dan dikelaskan takrifannya oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan seperti berikut iaitu:

1. Fakir & Miskin

Seorang yang mempunyai pekerjaan atau pendapatan yang melebihi 50% tetapi tidak mencapai had kifayah untuk keperluan asas dirinya dan tanggungannya.

- Bantuan Makanan
- Bantuan Membaiki Rumah
- Bantuan Perubatan dan Peralatan Perubatan
- Bantuan Hemodialisis
- Pembangunan Asnaf & Modal
- Bantuan Hari Raya
- Bantuan Kewangan
- Bantuan Persekolahan & Pendidikan
- Program Motivasi Fakir Miskin

2. Amil

Mereka yang dilantik secara langsung oleh pemerintah dan ulul amri sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, pengagihan, pengurusan kewangan dan sebagainya.

- Pengurusan Amil

- Kursus Amil
- Tambang & Elaun Amil
- Urusan Zakat Fitrah

3. Muallaf

Muallaf adalah seseorang yang baru memeluk Islam atau seseorang yang dijinakkan hatinya dalam kalangan mereka yang belum memeluk agama Islam atau yang perlu ditarik simpatinya kepada Islam atau diharap dapat membela orang Islam atau yang perlu diamankan kejahatannya terhadap orang Islam.

- Saguhati Kemasukan Islam
- Program Kefahaman Islam & Kursus
- Bantuan Kebajikan Muallaf
- Membaiki Rumah dan Sewa Rumah
- Bantuan Perkahwinan Muallaf
- Bantuan Modal dan Perniagaan
- Dermasiswa Muallaf
- Pertubuhan Muallaf

4. Gharimin

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahantan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum syarak.

- Bantuan Membayar Hutang Keperluan Asasi (perlindungan, pakaian, makanan, perubatan, pendidikan)
- Bantuan Bencana Alam/Musibah (banjir, rumah terbakar, kerosakan akibat tanah runtuh atau ribut taufan)

5. Fisabilillah

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

- Saguhati Jawatankuasa Masjid
- Pembiayaan Kursus Kefahaman Islam
- Mengurus Jenazah Tanpa Waris
- Bantuan Surau & Masjid
- Derma Perayaan Islam
- Bantuan kepada Pertubuhan Islam

- Bantuan Tahunan Masjid
- Aktiviti Pusat Kaunseling
- Usaha Penterjemahan Kitab
- Tahfiz Al-Quran
- Bantuan kepada Badan Penguatkuasa Agama

6. **Riqab**

Orang Islam yang dibelenggu atau dieksploitasi dari aspek pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan yang tidak mampu membebaskan dirinya daripada belenggu tersebut.

- Dermasiswa Pelajaran
- Bantuan Sekolah Agama Rakyat
- Pembudayaan Al-Quran Dan Ilmu
- Bantuan kepada Sek.Men.Agama di Negeri Sembilan
- Bantuan Kebajikan Am IPT
- Bantuan Kebajikan Persekolahan
- Saguhati Pelajar Timur Tengah
- Pembayaran Elaun Penyelia Kafa
- Bantuan Perpustakaan Sek.Agama
- Bantuan Aktiviti Institusi Pendidikan

7. **Ibnu Sabil**

Ibnu Sabil ialah orang Islam yang kehabisan belanja semasa memulakan perjalanan atau dalam perjalanan yang mendatangkan manfaat serta sesuai dengan hukum syarak.

- Bantuan Tambang Musafir
- Bantuan Tambang Pelajar
- Insentif Naik Haji Pegawai Masjid

Analisis Bantuan Zakat Era Covid 19 di Negeri Sembilan

Oleh yang demikian, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPB) yang bermula pada 18 Mac sehingga 10 Jun 2020 tersebut, pihak Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan telah menggerakkan bantuan khas yang dikenali sebagai Inisiatif Covid 19 berjumlah RM 8.5 juta. Berdasarkan Laporan Bantuan Covid 19 MAINS (2020) permohonan dan jenis bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

Jadual 1.0: Jumlah Permohonan Bantuan Covid 19 (Mac-Jun 2020)

Bil	Kategori	Jumlah
1.	Asnaf	345
2.	Orang Awam	13,203
Jumlah Keseluruhan		13,548

Jadual 1.0 menunjukkan jumlah permohonan inisiatif Covid 19 melalui dua kategori pemohon iaitu ansaf dan orang awam. Bagi kategori ansaf adalah pendapatan isi rumah terus terjejas dengan mendadak dan hanya seorang sahaja yang bekerja dalam rumah tersebut. Seterusnya kategori orang awam ini adalah sesiapa sahaja orang Islam di Negeri Sembilan yang membuat permohonan melalui talian *Whatsapps* MAINS telah diterima permohonan mereka. Majoriti permohonan adalah dalam daerah Seremban.

Jenis-Jenis Bantuan Covid 19 MAINS

MAINS telah mengelaskan bantuan-bantuan inisiatif khas Covid 19 kepada yang berkenaan seperti berikut:

Jadual 1.1: Bantuan Tunai

Bil	Bulan	Jumlah (RM)
1.	Mac	64,710.00
2.	April	251,401.00
3.	Mei	88,530.00
4.	Jun	3,800.00
5.	JAWHAR	20,000.00
Jumlah Keseluruhan		428,441.00

Jadual 1.1 adalah berkenaan bantuan tunai kepada orang Islam yang memohon bantuan di Negeri Sembilan yang bukan ansaf dan terdiri daripada yang bekerja sebagai penjaja, peniaga kecil, pekerja harian dan keluarga B40. Seterusnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah memberikan peruntukan dana zakat daripada pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri kepada MAINS untuk diagihkan.

Jadual 1.2: Bantuan Barang Dapur

Bil	Pembekal	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	1550	155,000.00
2.	Masbukti	75	7,500.00
3.	Kedai Runcit Jalil	45	4,400.00
4.	Marwa Mini Market	1	50.00
5.	JAWHAR	200	30,000.00
	Jumlah Keseluruhan	1870	196,950.00

Jadual 1.2 adalah berkenaan bantuan dapur yang disediakan oleh MAINS kepada orang Islam yang memohon bantuan di Negeri Sembilan. Barangan dapur tersebut berharga RM50.00 dan di dalamnya terdapat beras 10kg, Minyak 1 botol, Gula, Tin Susu Pekat, Tepung Gandum dan lain-lain yang disediakan oleh pembekal yang telah dikenalpasti oleh pihak MAINS.

Jadual 1.3: Bantuan Frontliner

Bil	Butiran	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Hospital Tampin Pejabat Kesihatan Daerah Tampin dan Seremban	4380	4,802.00
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah Pejabat Kesihatan Daerah Jempol, Kuala Pilah dan Jelevu	4300	8,295.00
3.	Hospital Port Dickson Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	4900	6,845.00
4.	Anggota Keselamatan	9921	20,000.00
5.	Hospital Tuanku Jaafar Hospital Rembau	6000	19,000.00
	Jumlah Keseluruhan	29501	58,942.00

Jadual 1.3 merupakan pecahan bantuan kepada petugas barisan hadapan seperti kakitangan hospital, polis, tentera, Angkatan Pertahanan Malaysia dan Rela dibekalkan dengan pek makanan dan makanan kering.

Jadual 1.4: Bantuan Masjid dan Surau

Bil	Butiran	Jumlah (RM)
1.	Masjid	1,480,000.00
2.	Surau	480,000.00
Jumlah Keseluruhan		1,960,000.00

Jadual 1.4 menunjukkan MAINS telah memberikan peruntukan terus kepada 296 buah masjid dengan dana bantuan bernilai RM5000 dan 977 buah surau dengan dana bantuan bernilai RM500 melalui tabung amanah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS).

Jadual 1.5: Bantuan Person Under Surveillance (PUS)

Bil	Daerah	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	PKD Seremban	419	41,900.00
2.	PKD Tampin	186	18,600.00
3.	PKD Port Dickson	117	11,700.00
4.	PKD Rembau	110	11,100.00
5.	PKD Kuala Pilah	247	24,700.00
6.	PKD Jempol	62	6,100.00
7.	PKD Jelebu	29	2,900.00
Jumlah Keseluruhan		1170	117,000.00

Jadual 1.5 merupakan di antara usaha MAINS mendekati orang yang dalam pemantauan penyakit covid 19. Sebanyak 7 daerah melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah dikenalpasti seramai 1170 orang individu yang dikuarantin di rumah dengan bantuan berupa barangan keperluan asas dapur.

Jadual 1.6: Bantuan Asnaf Fakir Miskin

Bil	Butiran	Jumlah Asnaf	Jumlah Bantuan	Jumlah (RM)
1.	Bantuan Bulanan Tunai Bulan Mac	4528	250	1,132,000.00
2.	Bantuan Barang Dapur Bulan Mac	4528	50	226,400.00
3.	Bantuan Bulanan Tunai Bulan April	4537	250	1,134,250.00

4.	Bantuan Barang Dapur Bulan April	4537	50	226,850.00
5.	Bantuan Bulanan Tunai Bulan Mei	4558	250	1,139,500.00
6.	Bantuan Barang Dapur Bulan Mei	4558	50	227,900.00
7.	Bantuan Ramadan	4537	300	1,361,100.00
Jumlah Keseluruhan			1200	5,448,000.00

Jadual 1.6 ini menunjukkan MAINS telah memberikan bantuan kepada 4,558 asnaf fakir miskin di seluruh Negeri Sembilan yang diawalkan sumbangan ke akaun daripada kebiasaan termasuk bantuan barang dapur yang boleh dituntut di kedai pembekal MAINS. Asnaf fakir miskin juga telah menerima sumbangan berupa wang tunai bernilai RM300 sempena menyambut bulan ramadan.

Jadual 1.7 Bantuan Anak Yatim

Bil	Daerah/Cawangan	Jumlah Anak Yatim	Jumlah (RM)
1.	Senawang	435	43,500.00
2.	Kuala Pilah & Jempol	390	39,000.00
3.	Port Dickson	430	43,000.00
4.	Jelevu	252	25,200.00
5.	Tampin	234	23,400.00
6.	Rembau	313	31,300.00
7.	Jempol	794	79,400.00
8.	Menara MAINS	277	27,700.00
9.	Gemas	232	23,200.00
10.	Nilai	494	49,400.00
Jumlah Keseluruhan		3851	385,100.00

Jadual 1.7 adalah mengenai bantuan kepada anak yatim telah dikenalpasti oleh pihak masjid kariah masing-masing dan setiap daripada mereka diberikan wang tunai berjumlah RM100 oleh pihak masjid sebagai mendahulukan bantuan. Kemudian pihak masjid akan membuat tuntutan semula kepada MAINS berdasarkan dokumen-dokumen yang sah.

Jadual 1.8 Jumlah Keseluruhan Bantuan Covid 19 (Mac-Jun 2020)

Bil	Butiran	Jumlah (RM)
1.	Bantuan Tunai	428,441.00
2.	Bantuan Barang Dapur	196,950.00
3.	Bantuan Frontliner	58,942.00
4.	Bantuan Masjid dan Surau	1,960,000.00
5.	Bantuan Person Under Surveillance (PUS)	117,000.00
6.	Bantuan Asnaf Fakir Miskin	5,448,000.00
7.	Bantuan Anak Yatim	385,100.00
	Jumlah Keseluruhan	8,594,433.00

Jadual 1.8 merupakan keseluruhan bantuan yang telah diberikan oleh MAINS melalui dana zakat kepada semua pihak yang terjejas dan terlibat dalam usaha memerangi dan terkesan dengan pandemik covid 19 ini. Skim bantuan zakat ini merangkumi tiga skim bantuan iaitu mengunapakai skim bantuan fakir miskin, skim bantuan gharimin dan skim bantuan fisabilillah.

Sumber peruntukan khas ini pula diperolehi daripada hasil kutipan zakat yang dibayar oleh semua pembayar zakat di Negeri Sembilan. Dengan pemindahan harta pembayar zakat kepada golongan asnaf ini mampu meningkatkan kuasa beli dan juga barang-barang keperluan asas untuk kegunaan seharian.

Peranan zakat ini juga mewujudkan agihan ekonomi yang seimbang serta turut menjana pendapatan negara dengan proses permintaan dan penawaran sekaligus mententeramkan hati sebagaimana firman Allah swt dalam surah At-Taubah ayat 103:

حُدِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةٌ تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Kesimpulan

Sesungguhnya peranan dan falsafah yang digerakkan melalui ibadah zakat dapat dikupas kepada beberapa perspektif iaitu menerusi sudut agama, ekonomi dan sosial. Melalui sudut agama, sudah pasti ibadah yang diwajibkan ini akan hadir dengan sebab dan maksud yang tertentu. Ia termasuk hikmah dan kesan yang menyeluruh dan lengkap terhadap pembangunan masyarakat Islam khususnya sosioekonomi ummah berpandukan peraturan dan perintah Allah SWT.

Melalui sudut sosial, zakat boleh menguatkan ikatan silaturahim dan kasih sayang antara pembayar zakat dengan golongan asnaf. Dengan wujudnya peri pentingnya hikmah zakat kepada masyarakat, setiap individu Islam dapat melaksanakan perintah mengeluarkan zakat untuk diagihkan kepada kelompok yang berhak menerimanya. Ianya dapat dilihat betapa eratnya jalinan kasih sayang sesama individu di kalangan orang Islam dan masyarakat keseluruhannya.

Melalui sudut ekonomi, zakat menampakkan fungsi yang istimewa dalam mendepani isu pengangguran. Antara faktor yang menyebabkan isu pengangguran adalah bermula dengan kemiskinan. Individu yang miskin tidak mempunyai aset atau dana yang minimum untuk memulakan sesuatu perniagaan atau pekerjaan. Justeru itu, seandainya modus operandi zakat bergerak selaras haknya, adalah pasti golongan yang miskin wajib menerima haknya. Dengan itu, ia boleh menjadi modal kepada sesuatu pekerjaan yang dipertimbangkan sesuai dengan kemahiran dan kelayakan yang ada pada mereka.

RUJUKAN

- Anwar Muttaqin. 2018. Pembangunan Islam di Negeri Sembilan. Ucapnama Kolokium Siswazah Pengajian Arab dan Tamadun Islam (KOSPATI 2.0), Pusat Penyelidikan Ukm Langkawi, 24 Februari.
- Anwar Muttaqin. 2020. Pengurusan dan pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam menerajui sosioekonomi ummah di Negeri Sembilan. Tesis PHD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- BAIT-NS 100-24/5 Fail Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan)
- Calvin Cheng. 2020. COVID-19 in Malaysia: Economic Impacts & Fiscal Responses. *Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia* Issue 1-20.
- Chitra Rathore. 2020. The Covid-19 Lockdown: Testimony Of Some Brighter Perspectives. *International Journal of Advanced Research (IJAR)* 6 (08): 784-791
- Enakmen Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan 2015 (Undang-Undang Negeri Sembilan Enakmen A22)
- Mohamed Husein. 2020. MAINS sediakan peruntukan khas Covid-19 [28 Mac2020].
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Pembayar Zakat Hero Asnaf. *Harian Metro* [13 April 2020].
- Laporan Tahunan 2008 Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.